0843

U 0632 DEB

MUSA - SURAT

KUALA LUMPUR, 21 NOV (BERNAMA) -- BEKAS TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK MUSA HITAM HARI INI BERKATA BAHAWA BELIAU BELUM LAGI MEMBALAS SURAT TAWARAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD UNTUK MENGANGGOTAI KABINET.

+SAYA AKAN MEMBALAS SURAT PERDANA MENTERI ITU DALAM SEDIKIT MASA LAGI,+ KATANYA KEPADA BERNAMA DI BANGUNAN PARLIMEN.

+SEMUA ORANG SUDAH PUN TAHU JAWAPAN SAYA TETAPI SAYA TERPAKSA MANGAMBIL MASA SEDIKIT UNTUK MENERANGKAN PENDIRIAN SAYA ITU KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR.

+SAYA PASTI AKAN MENJAWAB SURAT PERDANA MENTERI ITU DAN BESAR KEMUNGKINAN DALAM BEBERAPA HARI INI,+ KATANYA.

DATUK MUSA YANG JUGA ANGGOTA PARLIMEN KOTA TINGGI BERKATA SURAT TAWARAN PERDANA MENTERI ITU TIDAK MEMBERI TEMPOH MASA YANG TERTENTU BAGI BELIAU MEMBALASNYA.

SEMASA DITANYA SAMA ADA BELIAU MENANTI UNTUK MENJAWAB BERSAMA-SAMA DENGAN TENGKU RAZALEIGH HAMZAH YANG JUGA DITAWARKAN JAWATAN MENTERI TAK BERPORTFOLIO OLEH PERDANA MENTERI, DATUK MUSA BERKATA BELIAU DIFAHAMKAN BAHAWA TENGKU RAZALEIGH TELAH MENGIRIMKAN SURAT JAWAPAN BELIAU KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU BAGAIMANAPUN TIDAK MENGETAHUI BILA ANGGOTA PARLIMEN GUA MUSANG ITU MENJAWAB SURAT TAWARAN BERKENAAN DAN BELIAU TIDAK MENGETAHUI ISI KANDUNGANNYA. -- BERNAMA.

1900MST 21 11 88